

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 11 MAC 2022  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 6

ECRL bantu kurang kesesakan jika harga tiket murah

# ECRL bantu kurang kesesakan jika harga tiket murah

**PETALING JAYA:** Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bernilai RM50.2 bilion yang dijadual siap pada Disember 2026 mampu menarik minat orang ramai menggunakan pengangkutan itu sekiranya menawarkan tam-bang berpatutan.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, jika harga tiket ditawarkan di luar kemampuan penumpang ia dikhuatiri membantutkan hasrat kerajaan untuk mengurangkan isu kesesakan lalu lintas semasa musim perayaan.

Menurut beliau, antara langkah yang boleh diambil ialah memperkenalkan harga tiket keluarga sempena cuti sekolah atau musim perayaan bagi mendorong orang ramai memilih menggunakan pengangkutan awam.

“Ia salah satu cara yang dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama di lebuhraya menuju ke pantai timur. Pada masa sama pihak berkuasa harus mendidik masyarakat berhubung kebaikan menggunakan

pengangkutan awam.

“Harga tiket adalah faktor utama untuk pengguna membuat pilihan sama ada mahu menggunakan pengangkutan awam atau kenderaan sendiri. Saya berharap pihak ECRL boleh menawarkan harga tiket keluarga semasa cuti panjang atau semasa musim perayaan.

“Jika dibandingkan dengan kos penggunaan kenderaan sendiri dan pengangkutan awam tidak banyak beza, masyarakat awam akan memilih kenderaan sendiri,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar melaporkan, lebih 14 juta perantau pulang beraya di kampung halaman sejak Jumaat lalu bagi menyambut Aidilfitri yang menyebabkan kesesakan di beberapa lebuhraya utama.

Projek ECRL yang melibatkan empat negeri iaitu Pahang, Kelantan Terengganu dan Selangor sepanjang 665 dijangka mencapai kemajuan 37 peratus tahun ini serta menjadi penyelesaian kepada masalah kesesakan.